

02 SEP 1997

Mahathir-rasuah

MENTERI JANGAN TERLIBAT MEMBUAT KEPUTUSAN MELIBATKAN ANAK MEREKA

KUALA LUMPUR, 2 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata menteri tidak akan terlibat dalam proses membuat keputusan yang melibatkan kegiatan perniagaan anak mereka.

"Jika terdapat sebarang naungan daripada ibu bapa mereka, kita sudah pasti tidak membenarkan ibu bapa tersebut dalam proses membuat keputusan itu," kata beliau.

Bagaimanapun Perdana Menteri menekankan seseorang itu tidak boleh beranggapan kerana mereka anggota keluarga menteri, oleh itu apa yang mereka lakukan adalah kerana hubungan "menteri".

"Ada orang beranggapan adalah masih tidak berkesan (menyingkirkan mereka dari proses membuat keputusan) tetapi kita tidak boleh beranggapan anak kepada mereka yang berada dalam kerajaan tidak berupaya melakukan perniagaan.

"Mereka mungkin tidak berbuat sebarang perkara dan menjadi miskin," kata Dr Mahathir semasa temu bual secara langsung melalui program Q&A, Cable News Network (CNN) malam ini.

Program itu dengan pengantara Riz Khan ke udara secara langsung melalui Astro, Mega TV dan RTM pada pukul 9 malam.

Dr Mahathir berkata perkara itu, semasa menjawab soalan berkaitan keluarga atau anak menteri yang terlibat dalam perniagaan, yang pada pandangan mata awam adalah rasuah.

Perdana Menteri berkata apabila menteri terbabit tidak dibenarkan dalam proses membuat keputusan, orang lain harus mengambil alih tempatnya.

Beliau berkata adalah "tidak adil dan tidak logik" (untuk mengetepikan anggota keluarga menteri atau anak mereka daripada terlibat dalam perniagaan).

"Jika mereka melakukan perniagaan secara sendirian dan tidak melibatkan kerajaan, saya berpendapat mereka mempunyai hak untuk berniaga atau bekerjasama dengan kerajaan atau apa sekali pun," kata beliau.

Ditanya jika (rasuah) adalah kerana budaya Asia yang mana keluarga terlibat rapat dalam banyak perkara, Dr Mahathir berkata ia "bukanlah budaya Asia tetapi perkara yang lumrah di seluruh duni."

"Ini adalah pandangan yang tidak adil terhadap orang Asia.. Saya lihat banyak rasuah di antara para menteri di Britain, Perancis, Itali dan ahli politik di Amerika Syarikat," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata: "Di antara mereka termasuk juga beberapa presiden di Amerika Syarikat (AS) yang mana anak mereka terlibat dalam perniagaan. Saya telah bertemu seorang daripada mereka yang melakukan perniagaan pada masa bapanya menjadi presiden AS."

"Oleh itu, saya tidak boleh menyatakan mereka adalah rasuah kecuali mereka menyatakan "jika anda hendak bertemu dengan bapa saya, anda mesti menemui saya dahulu dan membayar kepada saya sejumlah wang," jika demikian saya akan beranggapan mereka adalah rasuah," kata beliau.

Semasa temu bual itu, Dr Mahathir juga ditanya berkaitan sekatan media, jika ada di Malaysia.

Perdana Menteri berkata memandangkan Malaysia adalah negara yang berbilang kaum, terdapat keperluan akhbar untuk bertanggungjawab dan kegagalan berbuat demikian mungkin mengakibatkan ketidakstabilan dan "kita terpaksa membayar harganya".

Berkaitan sokongan Malaysia terhadap kemasukan Myanmar ke dalam Asean, Dr Mahathir berkata Kuala Lumpur mendapat sokongan daripada anggota lain

dalam pertumbuhan itu.

Dr Mahathir juga "menangani" seorang pemanggil yang ingin tahu jika Malaysia mendapat manfaat daripada apa yang dipanggilnya "pengasingan" rakyat berbeza dengan Australia yang mahukan hak sama rata kepada setiap individu.

"Ia (undang-undang itu) telah memberi manfaat kepada negara. Seperti yang anda lihat, kita telah membangun dengan pesat, terdapat kestabilan politik dan rakyat merayakan hari kebangsaan bersama-sama. Oleh itu mereka tidak seperti yang "dianggapkan."

"Tetapi anda lebih bersikap akedemik. Anda tidak peduli apa yang berlaku di sini. Anda menganggap prinsip anda adalah lebih penting berbanding apa yang berlaku di bumi ini.

Berkaitan lawatan dua hari oleh Pentadbir Rantau Khas Hong Kong, Ketua Eksekutif Tung Chee Hwa ke Malaysia mulai esok, Dr Mahathir berkata Kuala Lumpur ingin mengetahui lebih lanjut tentang Hong Kong sekarang memandangkan ia telah menjadi sebahagian daripada China.

Beliau berkata Malaysia dan Hong Kong ingin meneruskan perniagaan seperti sebelum ini. --BERNAMA

ES RI